

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA**

<http://www.parlimen.gov.my>

**HARI ISNIN, 14 JULAI 2008, PUKUL 10.00 PAGI**

**Bil. 31**

---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

1. PR-1212-L13022  
**Dato' Shamsul Anuar bin Nasarah [ Lenggong ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan faktor utama kenaikan harga barang juga berkait dengan masalah pemantauan dan penguatkuasaan. Bagi menjimatkan kos, bolehkah Kementerian menggerakkan tenaga NGO, Penggerak Rakan Muda, Penggerak Belia, Penyelia KEMAS, dan lain-lain dengan diberikan sedikit elaun bagi membantu Kementerian membuat pemantauan dan penguatkuasaan.
2. PR-1212-L14307  
**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [ Gombak ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengapa Kerajaan sering mengalami kekalahan atau kerugian apabila berurusan dengan Kerajaan Singapura - contohnya perjanjian bekalan air, Tanjung Pagar, kehilangan Batu Puteh, pembatalan pembinaan jambatan bengkok di Selat Tebrau, pembelian Bank International Indonesia (BII) oleh Maybank dan pembelian Parkway oleh Khazanah Nasional.
3. PR-1212-L13077  
**Tuan Ahmad Lai bin Bujang [ Sibuti ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan terhadap orang-orang mencuri tiang besi dan wayar elektrik masa kini dan apakah tindakan diambil kepada pembeli-pembeli barang-barang tersebut.
4. PR-1212-L14043  
**Tuan Loke Siew Fook [ Rasah ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada Kementerian bercadang untuk melaksanakan sistem "*Dispensing Separation*" untuk ubat-ubatan terkawal dan sekiranya ada, bagaimanakah ia akan dilaksanakan untuk memastikan setiap lapisan masyarakat tidak terjejas.

5. PR-1212-L12876  
**Dato' Haji Ismail Bin Haji Abd. Muttalib [ Maran ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah pihak Kerajaan bercadang menjalankan program khas di antara koperasi-koperasi sekolah dengan syarikat-syarikat atau usahawan persendirian dalam memberikan bimbingan kepada pelajar-pelajar bagi melibatkan diri dalam perniagaan.
  
6. PR-1212-L13314  
**Tuan Chua Tian Chang [ Batu ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan :-
  - (a) sama ada Kerajaan telah memohon Kerajaan Britain untuk memantau kegiatan P.Waytha Moorthy, Pengerusi HINDRAF di Eropah; dan
  - (b) adakah Kerajaan mengarah Kedutaan Malaysia mengambil tindakan sedemikian.
  
7. PR-1212-L13852  
**Tuan Liew Chin Tong [ Bukit Bendera ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sebab Akta Pemberi Pinjam 1951 masih diuruskan oleh Kementerian ini dan tidak diserahkan kepada Bank Negara Malaysia. Adakah penyusunan ini telah membawa kepada pemasalahan pengoperasian kegiatan Along.
  
8. PR-1212-L13762  
**Tuan Amran bin Ab Ghani [ Tanah Merah ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan tindakan terhadap pencemaran Alam Sekitar (Bau dan Asap Kimia) yang dilepaskan oleh Kilang Getah Lee Rubber yang berada di tengah Bandar Tanah Merah yang menjadi rungutan rakyat setempat sekian lama.
  
9. PR-1212-L14271  
**Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir [ Jerlun ]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan berapa banyakkah projek penyelidikan dan pembangunan yang dilaksanakan di IPTA menghasilkan aplikasi yang mempunyai nilai komersial atau yang memberi manfaat kepada masyarakat setiap tahun dan adakah bilangan ini setimpal dengan jumlah geran yang diberikan oleh Kerajaan kepada IPTA-IPTA ini.

10. PR-1212-L14156  
**Tuan Khalid bin Abdul Samad [ Shah Alam ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha Kerajaan mengenai pampasan peneroka Felda, pemberian tanah kekal kepada peserta Felda Plantation, pengembalian caruman Wang Tanam Semula kepada peneroka yang mengusahakan sendiri kebun mereka, penambahan kuota pengambilan generasi kedua dalam anak syarikat Felda, mengkaji peranan Techno Plant Sdn. Bhd. di atas ketidak sempurnaan menyelia kebun peneroka, pembayaran Skim Insurans Berkelompok dalam 48 jam ketika musibah dan penyelesaian hak milik tanah peneroka yang telah selesai bayaran kembali.
11. PR-1212-L14014  
**Tuan Haji Ahmad bin Haji Maslan [ Pontian ]** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan bagaimanakah budaya keusahawanan boleh diterapkan di sekolah rendah dan menengah secara menyeluruh. Apakah kaedah-kaedah terkini yang dirancang dan dilaksanakan untuk menarik minat pelajar memilih usahawan sebagai kerjaya dan apakah bukti kejayaannya sekarang ini.
12. PR-1212-L13941  
**Tuan Gwo-Burne Loh [ Kelana Jaya ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Kementerian sedar bahawa pembinaan menara telekomunikasi seperti di Kelana Jaya telah mengakibatkan beberapa penduduk di kawasan berdekatan dijangkiti barah.
13. PR-1212-L14227  
**Datuk Ir. Edmund Chong Ket Wah [ Batu Sapi ]** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan bilakah satu pasukan projek akan ditubuhkan bagi tujuan meninjau keadaan sekolah-sekolah yang keadaannya usang termasuk sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil, sekolah mubaligh dan sekolah bantuan Kerajaan di seluruh Malaysia.
14. PR-1212-L12955  
**Tuan John a/l Fernandez [ Seremban ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang sedang atau akan diambil bagi menangani masalah kesesakan lalu lintas di kawasan Bandar Seremban terutamanya sekitar hujung minggu.
15. PR-1212-L13775  
**Dato' Seri Mohd. Radzi bin Sheikh Ahmad [ Kangar ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan memandangkan senario politik yang berubah selepas pilihan raya umum yang lalu, adakah beliau bercadang untuk mengubah Rangka Tindakan Wilayah Ekonomi Koridor Utara supaya memberi lebih tumpuan kepada negeri Perlis.

16. PR-1212-L13447  
**Tuan Matulidi bin Jusoh [ Dungun ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah pegawai dan bekas anggota polis yang telah diambil bagi mengisi kekurangan anggota polis dan apakah kesannya terhadap pengurangan jenayah.
17. PR-1212-L14622  
**Datuk Haji Baharum bin Mohamed [ Sekijang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan Sabah telah diumumkan mendapat peruntukan dana khas dari Y.A.B. Perdana Menteri sebanyak RM1 bilion kerana sokongan padunya dalam Pilihan Raya Umum Ke-12 (PRU 12), adakah negeri-negeri lain yang turut memberikan sokongan padu yang sama akan mendapat peruntukan khas ini khususnya bagi negeri Johor.
18. PR-1212-L13726  
**Dato' Abu Bakar bin Taib [ Langkawi ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah langkah yang diambil oleh Kementerian untuk membantu peniaga runcit kecil-kecilan bagi menghadapi persaingan akibat kewujudan pasaraya-pasaraya besar seperti TESCO, GIANT, CARREFOUR dan lain-lain.
19. PR-1212-L14067  
**Datuk Wira Ahmad bin Haji Hamzah [ Jasin ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan semua stesen MARDI untuk tujuan penyelidikan dan kajian sama ada semua penemuan-penemuan terbaru yang telah atau yang boleh dikomersialkan dan impak penemuan ini terhadap usaha untuk meningkatkan pendapatan petani.
20. PR-1212-L14501  
**Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [ Padang Terap ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah bayaran ex-gratia yang dicadangkan kepada tiga bekas hakim kanan yang telah dipecat dan apakah sikap mereka terhadap tawaran tersebut.
21. PR-1212-L14114  
**Datuk Kamarul Baharin bin Abbas [ Telok Kemang ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan :-
- (a) jumlah pusat buangan sisa pepejal toksik di negara ini; dan
  - (b) bentuk dan piawaian tahap keselamatan yang diaplikasikan oleh syarikat-syarikat berkenaan berhubung hal pengangkutan daripada tempat pengumpulan ke pusat buangan agar menjamin tidak wujud bahaya kepada alam sekitar dan manusia.

22. PR-1212-L12917  
**Datuk Seri Panglima Abdul Ghapur bin Haji Salleh [ Kalabakan ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan memandangkan dalam pasaran di negara ini terdapat pelbagai ubat alternatif dan makanan tambahan yang berbentuk tradisi, herbal dan sebagainya yang promosinya amat meyakinkan sekali, apakah Kementerian sudah mengkaji, meluluskan dan mengawal penjualan bahan-bahan ini.
23. PR-1212-L13379  
**Tuan Khairy Jamaluddin [ Rembau ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah langkah Kerajaan untuk memastikan bahawa kawasan perumahan kos rendah yang telah dan akan dibina ada kelengkapan yang selesa dan mencukupi agar ia tidak menjadi satu kawasan yang ketinggalan (*slum areas*) dan tidak sesuai untuk membesarkan sebuah keluarga.
24. PR-1212-L13359  
**Tuan Lim Guan Eng [ Bagan ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bersetuju dengan permintaan Terengganu untuk diberikan royalti minyak secara langsung.
25. PR-1212-L14246  
**Tuan Razali bin Haji Ibrahim [ Muar ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan :-
- (a) apakah dasar Kerajaan terhadap pemilik bangunan tinggi di negara ini supaya membuat ujian ketahanan gegaran sebagai langkah persediaan bagi menghadapi sebarang kemungkinan ; dan
  - (b) latihan amali mengenai cara keselamatan diri harus diperkenalkan kepada orang ramai bagi persediaan awal sekiranya berlaku bencana gempa bumi.
26. PR-1212-L13573  
**Datuk Zahrain Mohamed Hashim [ Bayan Baru ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa ramaikah rakyat Malaysia yang masih belum memiliki Mykad dan berapa ramaikah pula pemohon yang belum menuntut kad mereka.
27. PR-1212-L14116  
**Dr. Lo' Lo' binti Mohamad Ghazali [ Titiwangsa ]** minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan secara terperinci kajian-kajian yang dijalankan oleh angkasawan, hasil kajian dan manfaatnya kepada rakyat.

28. PR-1212-L13396  
**Tuan William Leong Jee Keen [ Selayang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan projek-projek yang dianugerahkan oleh PETRONAS BERHAD, PETRONAS CARIGALI SDN BHD dan anak syarikatnya yang bernilai RM1 bilion ke atas sejak 2004, nama syarikat-syarikat tersebut, jumlah kontrak serta sama ada anugerah secara tender terbuka atau dengan cara rundingan.
29. PR-1212-L13854  
**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed [ Pulau ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan tindakan Kerajaan untuk melaksanakan dasar setinggian sifar di dalam kawasan Parlimen Pulau. Sila jelaskan jumlah rumah mampu milik yang telah atau akan dibina untuk tujuan sewa dan sewa beli.
30. PR-1212-L12853  
**Tuan Manogaran a/l Marimuthu [ Telok Intan ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan :-
- (a) sejauh manakah penyalahgunaan subsidi diesel dapat dikawal dan berapakah kerugian yang dialami oleh Kerajaan disebabkan masalah ini pada tahun 2006 dan 2007; dan
  - (b) pihak Kementerian telah melantik sebuah syarikat ternama Teras Kimia Sdn Bhd untuk menangani masalah ini. Apakah kriteria yang diikuti oleh Kementerian dalam pelantikan syarikat tersebut.
31. PR-1212-L12896  
**Dato' Dr. Zainal Abidin bin Ahmad [ Hulu Selangor ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan perancangan jangka pendek dan jangka panjang bagi mengatasi masalah bangunan terbiar dan kemudahan infrastruktur yang tidak mencukupi di kawasan Bukit Beruntung, Hulu Selangor.
32. PR-1212-L13212  
**Tuan Manikavasagam a/l Sundaram [ Kapar ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan:-
- (a) apakah langkah-langkah yang diambil untuk meningkatkan sumber ikan khasnya di negeri Selangor dan menjaga sumber ikan yang berterusan, berkualiti, harga yang berpatutan serta pendapatan nelayan yang terjamin; dan
  - (b) apakah rancangan Kementerian untuk membina pusat pendaratan ikan yang baik di Pulau Ketam atau Pelabuhan Klang untuk menjamin kualiti ikan.

33. PR-1212-L13674  
**Dato' Ismail bin Kasim [ Arau ]** minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan tahap sambutan industri terhadap cadangan 'Small Renewable Energy Power Programme' (SREP) dan selain daripada itu, apakah usaha lain oleh Kerajaan untuk menggalakkan pembangunan sektor SREP terutamanya dalam penggunaan tenaga solar untuk menjana tenaga elektrik.
34. PR-1212-L13512  
**Dr. Lee Boon Chye [ Gopeng ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan kedudukan implementasi "Kotak Hitam" untuk bas ekspres dan kenderaan komersial yang lain.
35. PR-1212-L13338  
**Dato' Seri Tiong King Sing [ Bintulu ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-
- (a) berapakah jumlah tangkapan yang telah berjaya dibuat ke atas pihak yang tidak bertanggungjawab di dalam memalsukan Pas Permit Imigresen dan MyKad bagi warga asing; dan
  - (b) apakah langkah-langkah dan strategi pihak Kementerian di dalam membendung masalah pemalsuan yang berleluasa kini.
36. PR-1212-L14574  
**Dato' Seri Haji Azmi bin Khalid [ Padang Besar ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah caranya untuk rakyat atau syarikat yang mendapati ianya teraniaya oleh sistem birokrasi Kerajaan, sama ada disengajakan atau tidak, untuk mendapat perhatian dan penyelesaian, selain daripada membawa kes mereka ke mahkamah.
37. PR-1212-L13125  
**Tuan Salleh bin Kalbi [ Silam ]** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk menanam sikap ingin tahu dan keinginan meneroka terutamanya di kalangan murid-murid luar bandar dalam usaha Kerajaan untuk memupuk minat sains di kalangan pelajar yang akan menjadi modal insan yang penting menjelang 2020.
38. PR-1212-L14457  
**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [ Ampang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) mengapakah banyak projek seperti pembinaan jalan raya dan utiliti lain berlaku ketika hampir pilihan raya; dan
  - (b) adakah ini satu bentuk rasuah kepada rakyat dan adakah ia melibatkan dana yang lain.

39. PR-1212-L13036  
**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [ Kuala Langat ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan :-
- (a) adakah pihak Kerajaan menyedari kecenderungan pihak syarikat yang mengamalkan dan mengambil pekerja secara kontrak; dan
  - (b) adakah Kerajaan menyedari bahawa kebanyakan pekerja-pekerja kontrak ini tidak dicarumkan dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Perkeso dan apakah tindakan pihak Kerajaan.
40. PR-1212-L14205  
**Datuk Tiong Thai King [ Lanang ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan memandangkan jalan yang menghubungkan Lapangan Terbang Sibu dengan Bintulu masih merupakan jalan segaris, bengkok-bengkok dan curam, adakah Kerajaan mempertimbangkan agar menaik taraf jalan ini. Jika ada, bila.
41. PR-1212-L14252  
**Dr. Dzulkefly bin Ahmad [ Kuala Selangor ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah pihak Kementerian akan mengkaji semula Paras Garis Kemiskinan di bandar dan luar bandar memandangkan tekanan kos saraan hidup dan inflasi yang terus meningkat dan kuasa beli rakyat semakin rendah.
42. PR-1212-L13230  
**Datuk Juslie bin Ajirol [ Libaran ]** minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan jumlah projek jalan raya yang telah dinaik taraf terutama membabitkan jalan luar bandar di seluruh negara sepanjang Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).
43. PR-1212-L13869  
**Dato' Kamarudin bin Jaffar [ Tumpat ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan setakat mana Koridor Ekonomi Pantai Timur (ECER) telah mencapai matlamatnya.
44. PR-1212-L14511  
**Dato' Haji Abdul Halim bin Abdul Rahman [ Pengkalan Chepa ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan menurut CUEPACS ada kira-kira 10,000 kakitangan awamnya yang dikategorikan sebagai pekerja bermasalah masih bertugas dalam pelbagai Jabatan dan Agensi. Terangkan secara terperinci masalah mereka setiap Agensi dan Jabatan dan apakah tindakan yang telah diambil.

45. PR-1212-L13228  
**Dr. Mujahid bin Haji Yusof Rawa [ Parit Buntar ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah ada usaha mengadakan muzakarah ulama dari pelbagai aliran supaya ada keputusan dibuat bagi meletakkan 'figh aulawiyat' demi menyatukan umat Islam dan mengelak soal furu'iyat (cabangan) yang berleluasa di kalangan ulama hari ini.
46. PR-1212-L13939  
**Tuan Chow Kon Yeow [ Tanjong ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk memajukan industri burung walit demi memastikan ianya tidak membawa impak kepada alam sekitar dan taraf hidup penduduk di bandar.
47. PR-1212-L13091  
**Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [ Bagan Serai ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah rancangan untuk menaik taraf Pusat Kesihatan ke Poliklinik di Bagan Serai.
48. PR-1212-L14215  
**Tuan Haji Che Uda bin Che Nik [ Sik ]** minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan dari 1997-2007 berapa ratus juta dipungut dari peserta atas ses kelapa sawit 6.5% (5.5% ke atas untung kasar dan 1% caj pemasaran). Bolehkah caj ini dimansuhkan kerana ini bertentangan dengan konsep dari rakyat untuk rakyat kepada rakyat.
49. PR-1212-L14242  
**Puan Teo Nie Ching [ Serdang ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan sebab Kementerian enggan membina satu persimpangan bertingkat di Jalan Puchong -Seri Kembangan (Bandar Putra Permai) sebagai jalan keluar masuk ke Lebuhraya Kuala Lumpur - Putrajaya memandangkan lebuhraya tersebut melalui kawasan Serdang.
50. PR-1212-L13450  
**Tuan Tan Kok Wai [ Cheras ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah bil percutian dan perjalanan seberang laut yang dibayar kepada setiap anggota menteri kabinet dalam tahun 2007 dan ke manakah destinasi percutian mereka.
51. PR-1212-L14346  
**Tuan Roslan bin Shaharum [ Bukit Gantang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengenai pelaburan Tabung Haji di dalam syarikat Silver Bird (pengeluar roti High 5) yang meningkat dari 23% ke 29% (anggaran RM300 juta) sedangkan syarikat ini gagal mematuhi Amalan Pengilangan Baik (GMP).

52. PR-1212-L14052  
**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [ Kota Raja ]** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan :-
- (a) jumlah pelajar lepasan SPM dan lepasan STPM tahun ini yang memohon untuk ke pusat-pusat matrikulasi dan IPTA dan apakah pecahan mengikut kumpulan etnik; dan
  - (b) dari jumlah yang memohon berapa orang / peratus yang berjaya dalam permohonan mereka mengikut pecahan etnik.
53. PR-1212-L14541  
**Puan Tan Ah Eng [ Gelang Patah ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan :-
- (a) langkah-langkah untuk memperbaiki prestasi Pegawai Kebajikan Masyarakat yang menjalankan siasatan ke atas kes-kes permohonan bantuan; dan
  - (b) langkah-langkah memperluaskan syarat-syarat permohonan bantuan khasnya jumlah pendapatan di kawasan bandar raya.
54. PR-1212-L13717  
**Datuk Sapawi bin Haji Ahmad [ Sipitang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) program-program Biro Pengaduan Awam setelah penstrukturan semula; dan
  - (b) berapa jumlah kes yang telah diterima dan jumlah kes yang diterima dan jumlah kes yang dapat diselesaikan.
55. PR-1212-L13473  
**Datuk Rashid bin Din [ Merbok ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah pihak Kerajaan menjalankan satu '*post implementation evaluation*' di atas keberkesanan sesuatu projek yang dijalankan untuk menentukan matlamat asal dicapai. Jika di sebaliknya apakah tindakan yang diambil.
56. PR-1212-L13811  
**Puan Nurul Izzah binti Anwar [ Lembah Pantai ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-
- (a) apakah industri-industri yang dikenakan '*windfall tax*' sehingga Disember 2007; dan

- (b) tidakkah Kerajaan berhasrat mengembangkan cukai tersebut ke industri-industri lain yang mendapat durian runtuh akibat kenaikan harga minyak sedunia.
57. PR-1212-L13995  
**Datuk Haji Abd Rahman bin Dahlan [ Kota Belud ]** minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan adakah Kerajaan merancang untuk membina loji tenaga ombak di Sabah bagi menampung keperluan tenaga yang semakin meningkat.
58. PR-1212-L13172  
**Dato' Lilah bin Yasin [ Jempol ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan :-
- (a) apakah Dasar Bumi Hijau; dan
- (b) sejauh manakah kejayaan pelaksanaan dasar ini.
59. PR-1212-L14579  
**Puan Norah binti Abd Rahman [ Tanjong Manis ]** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan sama ada Kementerian mempunyai rancangan untuk menambahkan pelajaran bahasa asing seperti Jepun, Arab, Perancis, Jerman dan Sepanyol untuk diajar di sekolah-sekolah agar generasi masa depan dapat bertutur dalam berbagai-bagai bahasa antarabangsa.
60. PR-1212-L14405  
**Datuk Halimah binti Mohd Sadique [ Tenggara ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kemasukan dan penghijrahan pelajar, pekerja dan pendatang asing ke Malaysia telah menambah indeks jenayah dan masalah sosial kepada rakyat tempatan:-
- (a) nyatakan dari negara manakah pekerja dan pendatang asing yang sering melakukan jenayah; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk membendung gejala ini.
61. PR-1212-L12937  
**Datuk Bung Moktar Bin Radin [ Kinabatangan ]** minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan prestasi pencapaian pelaksanaan projek-projek pembangunan di bawah Rancangan Malaysia ke-9 terutamanya yang melibatkan prasarana pembangunan luar bandar.

62. PR-1212-L13557  
**Puan Hajah Nancy binti Haji Shukri [ Batang Sadong ]** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah peranan yang dimainkan oleh Kementerian bagi membantu Kementerian-kementerian lain seperti Kementerian Pelajaran dalam menangani gejala sosial di kalangan belia.
63. PR-1212-L14546  
**Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli [ Kuala Krai ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan :-
- (a) bila pembinaan jalan raya baru Kuala Krai - Kota Bharu akan dimulakan; dan
  - (b) syarikat manakah yang dipilih melaksanakan pembinaan jalan raya ini, serta kos pembinaan yang dijangkakan.
64. PR-1212-L12838  
**Tuan Gobind Singh Deo [ Puchong ]** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan kenapa tiada siasatan awam (*public inquiry*) diadakan untuk kes-kes kematian pelatih-pelatih Program Latihan Khidmat Negara dan adakah Kerajaan mengadakan sistem insurans untuk peserta-peserta dan kalau tidak, sama ada Kerajaan akan memberikan pampasan kepada keluarga-keluarga pelatih meninggal dunia semasa latihan.
65. PR-1212-L13114  
**Datuk Chua Soon Bui [ Tawau ]** minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan :-
- (a) atas rasional apakah stesen penjana kuasa menggunakan arang dilaksanakan di Sabah serta di mana lokasi-lokasinya; dan
  - (b) adakah Kementerian mempunyai sebarang pelan untuk memberitahu rakyat Sabah berkenaan kebaikan dan keburukan stesen jana kuasa menggunakan arang sebelum ia dilaksanakan.
66. PR-1212-L13948  
**Tuan Hee Loy Sian [ Petaling Jaya Selatan ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah perkembangan terkini dan hasil siasatan ke atas kes pembunuhan kanak-kanak Nurin Jazlin dan kes penculikan Sharlinie yang berlaku di DUN Taman Medan, Petaling Jaya Selatan.

67. PR-1212-L13249  
**Tuan Charles Anthony a/l R. Santiago [ Klang ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapa kali sebulan Kementerian atau Jabatan Kimia mengkaji air paip di Selangor, Putrajaya dan Kuala Lumpur. Adakah air paip untuk minum mematuhi syarat-syarat World Health Organisation (WHO) dan badan-badan lain yang berkenaan.
68. PR-1212-L13925  
**Tuan Mohd Nizar bin Zakaria [ Parit ]** minta **MENTERI PERPADUAN, KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN** menyatakan apakah usaha-usaha untuk mewujudkan program-program kebudayaan yang bermanfaat kepada para belia dan remaja untuk menjauhi gejala-gejala tidak sihat seperti penagihan dadah dan mat rempit yang berlaku ketika ini.
69. PR-1212-L13101  
**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [ Sungai Siput ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilangan doktor pakar yang berkhidmat di Malaysia, dan berapakah di antara mereka yang sedang bertugas di bawah Kementerian Kesihatan.
70. PR-1212-L12820  
**Tuan Ahmad bin Kassim [ Kuala Kedah ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan :-
- (a) apakah jenis racun dan baja yang diimport, jumlah serta nilainya bagi rekod yang terkini dibandingkan dengan tahun sebelumnya; dan
  - (b) namakan syarikat atau agensi yang mendapat permit mengimport baja dan racun di atas.
71. PR-1212-L13805  
**Tuan Johari bin Abdul [ Sungai Petani ]** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan :-
- (a) bolehkah lebih ramai guru dilatih dalam bidang sukan dan mereka yang telah dilatih, diiktiraf sebagai "guru mahir".; dan
  - (b) bila mereka sudah terlatih dan menjadi mahir, bolehkah elaun khas diwujudkan untuk mereka.
72. PR-1212-L14303  
**Dr. Che Rosli bin Che Mat [ Hulu Langat ]** minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk membina loji rawatan air yang baru berhampiran hulu sungai atau berdekatan empangan memandangkan banyak sungai tercemar dan ia dapat mengurangkan kos perawatan air minum. Berapakah loji yang sudah dibina berhampiran dengan empangan.

73. PR-1212-L13797  
**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff [ Balik Pulau ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan sama ada Kerajaan mempunyai langkah-langkah untuk menyelesaikan masalah alam sekitar yang melibatkan hubungan antara negara dan syarikat-syarikat multi-nasional, termasuk dari Malaysia di dalam kes-kes seperti jerebu dan kebakaran hutan sama ada dari segi perundangan ataupun diplomasi.
74. PR-1212-L14334  
**Dr. Mohamed Hayati bin Othman [ Pendang ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah jenis penyakit-penyakit yang didapati mempunyai hubung kait yang jelas dengan merokok serta kos dalam merawat penyakit-penyakit tersebut serta kos untuk kempen pencegahan.
75. PR-1212-L13645  
**Puan Rosnah binti Abdul Rashid Shirlin [ Papar ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan langkah-langkah peningkatan daya saing dalam bidang pengeluaran makanan agar dapat meletakkan Malaysia di tahap yang lebih berdaya saing agar dapat bersaing dengan negara-negara jiran seperti Thailand, Vietnam dan Indonesia.
76. PR-1212-L14600  
**Tuan Sivarasa a/l K. Rasiah [ Subang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah (dalam wang ringgit) peruntukan subsidi yang diberi oleh Kerajaan dibiayai oleh Kumpulan Wang Amanah Negara dan sekiranya ada peruntukan subsidi yang dibiayai oleh PETRONAS, berapakah jumlahnya.
77. PR-1212-L13196  
**Tuan Gobalakrishan a/l Nagapan [ Padang Serai ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-
- (a) peranan yang telah dimainkan untuk menangani sindiket jenayah antarabangsa ; dan
  - (b) adakah satu badan khas ditubuhkan untuk memantau masalah ini.
78. PR-1212-L14101  
**Dr. Mohd Puad bin Zarkashi [ Batu Pahat ]** minta **MENTERI PENERANGAN** menyatakan persiapan RTM dalam menyediakan rancangan TV untuk menyambut Hari Kemerdekaan pada 31 Ogos ini. Apakah bentuk rancangan tersebut dan bilakah ianya akan mula disiarkan.

79. PR-1212-L13982  
**Tuan Chong Chieng Jen [ Bandar Kuching ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan bilakah projek pencegahan banjir di Kuching akan dilaksanakan supaya banjir besar-besaran yang berlaku di Kuching pada tahun 2003 dan 2004 tidak akan berlaku semula. Apakah jumlah peruntukan yang diperlukan untuk pelaksanaan projek itu.
80. PR-1212-L13652  
**Tuan Alexander Nanta Linggi [ Kapit ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan kepentingan Pertubuhan Komanwel dalam hubungan multilateral Malaysia dan adakah kita masih beranggapan Komanwel berkemampuan membawa faedah kepada negara anggotanya sejajar dengan matlamatnya untuk mewujudkan persahabatan dan perpaduan, pembangunan ekonomi, pendidikan, pertahanan, pertanian dan perundangan yang baik.
81. PR-1212-L14445  
**Tuan Nga Kor Ming [ Taiping ]** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan jumlah bilangan rizab sekolah mengikut aliran yang telah disediakan di seluruh negara untuk tujuan pembinaan sekolah-sekolah demi pembangunan masa depan.
82. PR-1212-L14407  
**Tuan Salahuddin Bin Haji Ayub [ Kubang Kerian ]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan pakar asing yang berkhidmat dalam Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan apakah langkah-langkah yang diambil bagi memastikan pakar-pakar tersebut mencapai tahap optima guna tenaga mereka.
83. PR-1212-L13301  
**Tuan Raime Bin Unggi [ Tenom ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah status kedudukan dan kedaulatan wilayah Sabah sehingga masih ada pihak tertentu cuba membangkitkan pemilikan hak tersebut.
84. PR-1212-L13729  
**Tuan Azan bin Ismail [ Indera Mahkota ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan mengapakah skim pinjaman siswazah tidak mendapat sambutan. Setakat ini apakah butiran lengkap mengenai kelulusan pinjaman skim tersebut.
85. PR-1212-L13016  
**Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [ Keningau ]** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan sama ada Kementerian akan menyemak semula pemberian elaun perumahan wilayah supaya diselaraskan di kalangan guru-guru yang berkhidmat memandangkan sekarang guru-guru dari Semenanjung yang bertugas di Sabah menerima bayaran yang lebih tinggi lagi daripada guru-guru dari Sabah yang berkhidmat di luar Sabah.

86. PR-1212-L13042  
**Dato' Mohd Jidin bin Shafee [ Setiu ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan :-
- (a) di negeri manakah di negara ini serta keluasannya pihak Kerajaan telah mewartakan Tanah Becah (*Wetland*); dan
  - (b) bagaimana Kerajaan membangunkan kawasan ini bagi kepentingan ekonomi masyarakat di kawasan berkenaan.
87. PR-1212-L14464  
**Tuan Mahfuz bin Omar [ Pokok Sena ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan sebagai pemilik penting Malayan Banking Bhd (Maybank) telah melaksanakan kajian '*due diligence*' mengambil alih kepentingan kira-kira 55.7 peratus di dalam Bank Internasional Indonesia (BII) dari Temasek Holding (Pte) Ltd, Singapura.
88. PR-1212-L13685  
**Tuan Haji Nasharudin bin Mat Isa [ Bachok ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan berapakah jumlah FDI yang negara perolehi sepanjang 2006-2007 berbanding dengan negara-negara ASEAN yang lain.
89. PR-1212-L13326  
**Tuan Zulkifli bin Noordin [ Kulim Bandar Baru ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) adakah Kerajaan akan menghapuskan CLP dan melaksanakan Common Bar Course & Common Bar Examination kepada semua pelajar undang-undang dalam/luar negara; dan
  - (b) adakah program pengajian undang-undang di IPTA akan diselaraskan untuk mengambil kira tahun pengajian/peperiksaan CBC/CBE.
90. PR-1212-L13265  
**Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [ Machang ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan status terkini isu-isu tuntutan bertindih Malaysia-Singapura berkaitan air, tanah, KTM dan CPF dan apakah strategi Kerajaan sekarang untuk menyelesaikannya.
91. PR-1212-L13486  
**Tuan Haji Mohd Nor bin Othman [ Hulu Terengganu ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil bagi mengatasi kemalangan jalan raya di negara ini.

92. PR-1212-L14190  
**Tan Sri Dato' Abd. Khalid bin Ibrahim [ Bandar Tun Razak ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :-
- (a) apakah perkembangan pusat pelupusan sampah di Semenyih, Selangor yang menggunakan kaedah RDF (Recycle Derivative Fuel) ; dan
  - (b) berapakah kos pelaburan untuk membina pusat RDF tersebut dan berapa besarkah kapasitinya. Sehingga kini, berapa banyak sampah yang telah dilupuskan oleh pusat RDF tersebut.
93. PR-1212-L14635  
**Tuan Ding Kuong Hiing [ Sarikei ]** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan adakah Kementerian mempertimbangkan agar projek Institut Vokasional yang terletak di bahagian Sarikei telah diwartakan di Lot 265, Blok 59, Sarikei Land District, Sarikei selepas 15 tahun tergendala akan dibangunkan. Jika tidak, kenapa. Jika ya, bilakah akan bermula semula pembinaan.
94. PR- 1212-L14033  
**Dato' Ngeh Koo Ham [ Beruas ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan berapakah jumlah rumah kebajikan di negara ini dan sejauh manakah antara rumah-rumah kebajikan ini diselenggarakan oleh Badan Bukan Kerajaan atau swasta. Apakah pertolongan yang disalurkan oleh Kerajaan kepada rumah-rumah kebajikan ini yang diselenggarakan oleh Badan Bukan Kerajaan atau swasta.
95. PR-1212-L14192  
**Tuan Sim Tong Him [ Kota Melaka ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah laporan polis yang dibuat atas Suruhanjaya Pilihan Raya dan berapa kes akan diambil tindakan dan juga berapa kes yang tidak perlu diambil tindakan selanjutnya.
96. PR-1212-L12976  
**Datuk Md.Sirat bin Abu [ Bukit Katil ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa Persatuan Bekas Polis di negara ini. Apakah bantuan yang diberikan oleh Kementerian kepada persatuan ini. Adakah Kementerian bercadang untuk menubuhkan Persatuan Bekas Polis yang baru.

## ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

### 1. **Usul dibuat oleh Perdana Menteri dan masalah dicadangkan :**

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 27 (3) Dewan ini mengambil ketetapan-ketetapan berikut:

**“Bahawa Dewan ini,**

**menyedari** akan pertumbuhan ekonomi yang menggalakkan dan pencapaian matlamat sosioekonomi yang baik semasa awal pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan meskipun ekonomi Malaysia terus berhadapan dengan pelbagai ketidaktentuan terutamanya kenaikan harga minyak petroleum mentah dunia;

**merestui** usaha Kerajaan bagi melaksanakan Misi Nasional untuk mencapai matlamat Wawasan 2020 bagi menjadikan Malaysia sebuah negara maju;

**meluluskan** Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan yang bertujuan melaksanakan strategi dan program serta menyediakan peruntukan bagi menjadikan Malaysia sebuah negara yang teguh dan bersatu padu seperti di bentang dalam Kertas Perintah CMD 8 Tahun 2008;

**Bahawa** dalam meluluskan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan, Dewan yang mulia ini menyeru seluruh rakyat Malaysia supaya berusaha dengan keazaman yang teguh dan terus menyokong Kerajaan untuk membina Malaysia sebagai sebuah negara yang makmur, progresif, adil, berdaya tahan dan berdaya saing.”

### **Menyambung semula Perbahasan atas Masalah (10 Julai 2008)**

2. (D.R. 2/2008) Rang Undang-undang Ahli Geologi 2008 – **Menyambung semula Perbahasan atas Masalah “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.”**  
(25 Jun 2008)

**[Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar]**

3. (D.R. 7/2008) Rang Undang-undang Saraan Hakim **Bacaan Kali**  
(Pindaan) 2008 **Yang Kedua**

**[Perdana Menteri]**

4. (D.R.11/2008) Rang Undang-undang Perbekalan **Bacaan Kali  
Tambahhan (2008) 2008 Yang Kedua**

**[Menteri Kewangan]**

5. (D.R. 6/2008) Rang Undang-undang Pendidikan (Pindaan) 2008 “

**[Menteri Pelajaran]**

6. (D.R. 10/2008) Rang Undang-undang Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara 2008 “

**[Menteri Perusahaan Perladangan dan  
Komoditi]**

7. (D.R. 4/2008) Rang Undang-undang Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (Pindaan) 2008 “

**[Menteri Pelancongan]**

8. PR-1212-U12759

**Datuk Dr. Marcus Mojigoh [ Putatan ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa Second Hand Dealers Act yang diamalkan di Semenanjung belum lagi dipanjangkan ke negeri Sabah. Dan mengambil maklum bahawa dengan ketiadaan Akta ini, para peniaga besi buruk di Sabah hanya perlu mendapatkan lesen mereka daripada Pihak Berkuasa Tempatan sahaja. Dan mengambil maklum bahawa, rakan niaga mereka di Semenanjung yang dikawal oleh Akta ini hanya mendapat lesen mereka setelah permohonan dan premis mereka diperiksa serta transaksi perniagaan mereka secara terperinci oleh pihak polis.

Dan mengambil maklum bahawa akhir-akhir ini, banyak kejadian buruk yang merugikan bukan sahaja rakyat tetapi negara, di negeri Sabah seperti keruntuhan tiang elektrik voltan tinggi, kehilangan kabel elektrik dan telefon. Dan mengambil maklum bahawa, tindakan undang-undang yang di ambil kepada para penjenayah tersebut adalah terbatas kerana pihak polis hanya bergantung dengan Local By-Laws. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan untuk memanjangkan second hand dealers acts ke negeri Sabah dengan kadar yang segera, agar kegiatan mencuri besi buruk dapat dibendung dan dihapuskan."

**[Menteri Dalam Negeri]**

9. PR-1212-U12760

**Datuk Dr. Marcus Mojigoh [ Putatan ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa sejak akhir-akhir ini, kita kerap mendengar laporan serta keluhan mengenai dengan keruntuhan moral di kalangan muda-mudi kita, terutama sekali dalam kegiatan maksiat, jenayah dan penagihan dadah. Dan mengambil maklum bahawa Kerajaan melalui pelbagai agensi dan Jabatannya telah menjalankan banyak aktiviti dan kempen bagi mengatasi dan membendung masalah yang dimaksudkan di atas namun keberkesanannya kurang dirasai.

Dan mengambil maklum bahawa pihak-pihak lain yang bernaung di bawah Badan keagamaan dan badan bukan Kerajaan juga boleh memainkan peranan mereka bagi mengatasi dan membendung masalah di atas. Namun kegiatan mereka selalunya terhad kerana ketiadaan dana untuk melaksanakan dan menjayakan program yang dirancang. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan untuk menyediakan dana yang cukup kepada Badan-badan yang dimaksudkan di atas agar kita bersama dapat mengatasi masalah ini."

**[Menteri Belia dan Sukan]**

10. PR-1212-U12761

**Datuk Dr. Marcus Mojigoh [ Putatan ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa sejak akhir-akhir ini, negara digemparkan dengan isu kekurangan barang makanan terutama sekali beras, di mana pihak Kerajaan terpaksa campur tangan bagi memastikan bekalan adalah mencukupi. Dan mengambil maklum bahawa negeri Sabah dan Sarawak mempunyai keluasan tanah yang mencukupi bagi maksud penanaman padi yang sekurang-kurangnya boleh menambah rizab beras negara .

Dan mengambil maklum bahawa selain daripada tanah sawah, negeri Sabah dan Sarawak juga mempunyai tanah yang dengan kecerunan di bawah 25 % yang boleh ditanam dengan beras bukit misalnya beras Bario yang sememangnya terkenal di Sabah, Sarawak dan Brunei. Dan mengambil maklum juga bahawa di setengah kawasan di negara China, misalnya mereka mengusahakan penanaman padi bukit di kawasan yang kecerunannya melebihi 25%. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan untuk menggalakkan dan memberikan subsidi bagi penanaman padi bukit di negeri Sabah dan Sarawak bagi meningkatkan lagi bekalan dan rizab bekalan beras negara."

**[Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani]**

11. PR-1212-U13628

**Dr. Tan Seng Giaw [ Kepong ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa dewan ini membincangkan dasar kedaulatan makanan termasuk beras. Bahawa Dewan ini ingin tahu apa sebenarnya 70% mampu diri mengenai beras dan usaha untuk membuka lebih banyak tanah untuk tanaman padi."

**[Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani]**

12. PR-1212-U13630

**Dr. Tan Seng Giaw [ Kepong ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini hendak membahaskan perubahan dasar subsidi termasuk beras dan diesel. Dewan juga mahu mendebatkan cara-cara yang digunakan untuk memastikan golongan yang layak dapat menikmati subsidi dan penyelewengan dapat diatasi."

**[Perdana Menteri]**

13. PR-1212-U13693

**Puan Teresa Kok Suh Sim [ Seputeh ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk membenarkan siaran langsung televisyen sepenuhnya bagi sidang Dewan Rakyat supaya rakyat boleh menonton ucapan para ahli berhormat dan proses Dewan Rakyat membuat keputusan terhadap dasar dan undang-undang."

**[Menteri Penerangan]**

14. PR-1212-U13695

**Puan Teresa Kok Suh Sim [ Seputeh ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk memulihkan Pilihan Raya Kerajaan tempatan demi menjadikan perkhidmatan Kerajaan tempatan di negara kita lebih berkesan di samping memulangkan hak kepada rakyat untuk memilih Datuk Bandar dan ahli Majlis Kerajaan Tempatan."

**[Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan]**

15. PR-1212-U13697

**Puan Teresa Kok Suh Sim [ Seputeh ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk mendesak Kerajaan untuk melaksanakan kempen kitar semula dan kempen pengurangan penggunaan plastik dengan lebih gigih demi memelihara kebersihan alam sekitar."

**[Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan]**

16. PR-1212-U13699

**Puan Teresa Kok Suh Sim [ Seputeh ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk mengembalikan Akta Perkhidmatan Parlimen yang telah dimansuhkan pada tahun 1993 sebagai langkah untuk menjadikan Parlimen Malaysia sebagai Parlimen Dunia Pertama."

**[Perdana Menteri]**

17. PR-1212-U13700

**Puan Teresa Kok Suh Sim [ Seputeh ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menyokong cadangan Suruhanjaya Diraja Pembaikan Perjalanan dan Pengurusan PDRM dan YAB Perdana Menteri untuk menubuhkan Suruhanjaya Bebas dan Salah Laku Polis (IPCMC)."

**[Perdana Menteri]**

18. PR-1212-U12997

**Datuk Eric Enchin Majimbun [ Sepanggar ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak Kementerian dan memandang serius agar pihak Badan Pencegah Rasuah menubuhkan satu cawangan khas untuk mengendalikan perkara yang tidak ada rasuah terbabit tetapi pihak pegawai sengaja melambat-lambatkan proses pelaksanaannya. Contohnya, sesuatu kerja tidak dapat dijalankan disebabkan sesuatu badan/agensi yang melambat-lambatkannya untuk di proses."

**[Perdana Menteri]**

19. PR-1212-U12998

**Datuk Eric Enchin Majimbun [ Sepanggar ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum dan memandang serius terhadap peningkatan penduduk Malaysia khususnya di Sabah yang meningkat secara mendadak sehingga jauh lebih tinggi berbanding di negeri-negeri lain di Malaysia, contohnya seperti Malaysia 10,439,430 pada tahun 1970 dan 22,202,614 pada tahun 2000 peratus kenaikannya sebanyak 113%, Sarawak 976,269 pada tahun 1970 dan 2,012,616 pada tahun 2000 peratus kenaikannya sebanyak 106% dan Sabah 636,431 pada tahun 1970 dan 2,449,389 pada tahun 2000 peratus kenaikannya ialah sebanyak 285%. Bagaimana penduduk Sabah melambung naik sehingga 172% lebih tinggi daripada peratus kenaikan penduduk seluruh negara kita."

**[Perdana Menteri]**

20. PR-1212-U13536

**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan yang mulia ini meluluskan ketetapan bahawa Kerajaan Persekutuan hendaklah memulihkan semula Pilihan Raya Kerajaan Tempatan di semua Majlis/Dewan Bandaraya dan Majlis Perbandaran seluruh Negara dengan mengambil tindakan meminda Perlembagaan Persekutuan dan Akta Kerajaan Tempatan bagi maksud tersebut supaya kuasa perwakilan rakyat di dalam Kerajaan tempatan dikembalikan semula selaras dengan amalan demokrasi berparlimen di Malaysia dan tuntutan rakyat sebagaimana yang diijelmakan dalam keputusan Pilihan Raya Umum 2008 yang mencerminkan kehendak dan hasrat rakyat."

**[Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan]**

21. PR-1212-U13538

**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini bersetuju supaya Kerajaan Persekutuan membina sebuah Muzium Memperingati Kapitan Yap Ah Loy bagi mengenang jasa mendiang sebagai pembuka dan Bapa Pembangunan Awal Kuala Lumpur untuk tatapan masyarakat Malaysia dan antarabangsa."

**[Menteri Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan]**

22. PR-1212-U13050  
**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [ Kuala Langat ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat resolusi untuk mengambil tindakan terhadap kemasukan pendatang asing yang terlalu ramai sehingga tidak dapat dikawal dan menjejaskan sektor pekerjaan dan sosial."

**[Menteri Dalam Negeri]**

23. PR-1212-U13053  
**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [ Kuala Langat ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat resolusi untuk mendesak Kerajaan supaya menarik balik pindaan Akta Hubungan Perusahaan 1967 dan Akta Kesatuan Sekerja 1959. Sekiranya ia tidak dipinda ia akan memberikan kesan yang tidak adil bagi kaum pekerja di negara ini."

**[Menteri Sumber Manusia]**

24. PR-1212-U13331  
**Tuan Chua Tian Chang [ Batu ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak Tan Sri Abdul Rashid Abdul Rahman, Pengerusi SPR dan panel-panel SPR yang lain meletak jawatan akibat daripada tindakan membatalkan penggunaan dakwat kekal dalam pilihan raya lepas dan tiada penjelasan yang kukuh bagi membatalkan sehingga kini. Selain itu, kenyataan yang dikeluarkan oleh Perdana Menteri dan Pengerusi SPR adalah bercanggah. Pengerusi SPR juga melakukan pengecualian dalam proses pendaftaran pemilih serta tiada penjelasan diberikan. Dewan ini mendesak supaya sebuah Suruhanjaya ditubuhkan bagi menyiasat SPR dan mengadakan public hearing bagi mengembalikan ketelusan dan keyakinan kepada rakyat."

**[Perdana Menteri]**

25. PR-1212-U12800  
**Dr. Ramasamy a/l Palanisamy [ Batu Kawan ]** akan mencadangkan:-

" Bahawa dewan ini mendesak Menteri Pengajian Tinggi supaya mendedahkan kepada orang awam proses pelantikan pensyarah-pensyarah di Institut-Institut Pengajian Tinggi Awam Negara."

**[Menteri Pengajian Tinggi]**

26. PR-1212-U12802  
**Dr. Ramasamy a/l Palanisamy [ Batu Kawan ]** akan mencadangkan:-

" Bahawa dewan ini meminta Kerajaan Malaysia supaya meningkatkan pengambilan calon-calon dari golongan bukan Bumiputera di sektor pekerjaan awam."

**[Perdana Menteri]**

27. PR-1212-U13880  
**Tuan Liew Chin Tong [ Bukit Bendera ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menetapkan sebarang pembelian aset atau sistem pertahanan yang melebihi RM100 juta oleh Kementerian Pertahanan, mesti dibahas di Parlimen dan diaudit oleh Jabatan Audit Negara mempertingkatkan integriti dan keberkesanan jangka panjang pembelian sistem pertahanan. "

**[Menteri Pertahanan]**

28. PR-1212-U14379  
**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [ Gombak ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa sumber bahan api seperti petroleum dan gas telah mengalami kenaikan harga yang semakin melambung dan rizab negara bahan ini akan kehabisan dalam tempoh 20 tahun. Dewan ini berpandangan bahawa Kerajaan harus mengambil langkah-langkah yang progresif dan proaktif untuk memastikan bahawa negara ini tidak akan mengalami kekurangan bahan api dan mencari sumber alternatif yang mudah diganti renewable resources dengan secepat mungkin.

Dewan ini mendesak supaya PETRONAS menerajui usaha-usaha untuk mencari sumber alternatif seperti biofuel dan bioethanol daripada sumber-sumber pertanian seperti sweet potato, jagung, sweet sorghum, tebu dan menghasilkan bahan api ini dengan skala besar.

Dewan ini juga menggesa PETRONAS supaya berhenti daripada menerokai bidang-bidang yang bukan core competency mereka seperti membina hospital lima bintang Prince Court Medical Centre dan membina dewan muzik filharmonik dan menggaji pemuzik-pemuzik luar negara, di mana perkara-perkara ini merupakan perbelanjaan yang membazir yang hanya memberi keuntungan atau manfaat kepada segolongan kecil rakyat negara ini."

**[Perdana Menteri]**

29. PR-1212-U14020

**Tuan Gwo-Burne Loh [ Kelana Jaya ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa Kerajaan Malaysia sebagai anggota Majlis Hak Asasi Manusia Bangsa-bangsa Bersatu dalam menguatkuasakan Resolusi 62/149 Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Moratorium terhadap Hukuman Mati yang telah dikuatkuasakan oleh Perhimpunan Agung Bangsa-bangsa Bersatu pada 18 Disember 2007 di mana negara-negara yang masih mengamalkan hukuman mati diminta untuk menghentikan penggunaan hukuman mati dan mengurangkan jumlah hukuman-hukuman yang membawa hukuman mati secara berperingkat dan melaksanakan moratorium terhadap kesemua hukuman-hukuman mati dengan hasrat untuk menghapuskan hukuman ini sama sekali. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan melalui Kementerian Luar Negeri untuk membantu mematuhi Moratorium tersebut dan meminda undang-undang yang bercanggah dengan Moratorium tersebut."

**[Menteri Luar Negeri]**

30. PR-1212-U14024

**Tuan Gwo-Burne Loh [ Kelana Jaya ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengkaji dalam penubuhan Penguat Kuasa Pengangkutan Awam Kebangsaan National Public Transport Authority (NPTA) untuk menyeragamkan pengangkutan awam di bandar dan antara bandar. Dewan ini berpandangan bahawa badan ini akan mengambil tanggungjawab dalam perancangan, pemantauan dan pembaikan sistem pengangkutan awam di jalan raya."

**[Menteri Pengangkutan]**

31. PR-1212-U14031

**Tuan Gwo-Burne Loh [ Kelana Jaya ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum dan sedar mengenai isu yang berkaitan dengan air khususnya berkaitan dengan jumlah penggunaan keperluan air, kesedaran mengenainya dan konservasinya. Justeru, adalah penting bagi Dewan ini mengkaji dalam penggubalan dasar-dasar yang bersangkutan paut dengan permasalahan yang dinyatakan itu. Dasar ini nanti akan menjadi rujukan dan mampu dalam meningkatkan kesedaran rakyat berkenaan dengan hak asasi manusia bagi mendapat akses kepada keperluan air dengan selamat serta menjadi panduan kepada pemuliharaan air dan teknologi kepada penguat kuasa tempatan dan sektor-sektor perindustrian."

**[Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi]**

32. PR-1212-U14607

**Tuan Mahfuz bin Omar [ Pokok Sena ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengutuk sikap tidak profesional Menteri Pelancongan yang membatalkan MoU berkaitan dengan lima buah negeri yang dikuasai oleh Pakatan Rakyat atas alasan tidak bersefahaman. Dewan ini berpandangan bahawa alasan tersebut bukan sahaja tidak munasabah, bahkan dipengaruhi oleh pemikiran politik kepartian yang amat sempit dan dangkal."

**[Menteri Pelancongan]**

33. PR-1212-U14617

**Tuan Mahfuz bin Omar [ Pokok Sena ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak Kementerian Pelajaran supaya membuat perisytiharan terbuka tentang penggunaan semula Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar untuk subjek sains dan matematik di sekolah. "

**[Menteri Pelajaran]**

34. PR-1212-U14620

**Tuan Mahfuz bin Omar [ Pokok Sena ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak Kerajaan Malaysia mengkaji semula AUKU supaya ia selaras dengan hak-hak kebebasan rakyat yang dijamin oleh Perlembagaan Persekutuan. Dewan ini berpandangan sekatan yang dikenakan oleh AUKU ke atas kebebasan pelajar adalah bercanggah dengan Hak Asasi Manusia. "

**[Menteri Pengajian Tinggi]**

35. PR-1212-U14168

**Dr. Mohd Puad bin Zarkashi [ Batu Pahat ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menyokong penuh agar cadangan pembinaan pusara Orang Kenamaan yang akan dibuat di ibu kota Kuala Lumpur dibatalkan. Ini kerana projek itu bukan sahaja tidak sesuai bahkan satu pembaziran kepada kawasan tanah yang semakin terhad di ibu kota."

**[Perdana Menteri]**

36. PR-1212-U14177

**Dr. Mohd Puad bin Zarkashi [ Batu Pahat ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak supaya Kerajaan Malaysia bertindak segera untuk membangunkan Pulau Pisang termasuk membatalkan perjanjian yang membenarkan Singapura mendirikan rumah api di pulau tersebut."

**[Menteri Luar Negeri]**

37. PR-1212-U14182

**Dr. Mohd Puad bin Zarkashi [ Batu Pahat ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mencadangkan supaya Kerajaan membuat keputusan yang jelas dan tegas untuk mengurangkan kehadiran tenaga kerja asing di Malaysia. Kehadiran yang tidak terkawal itu menyebabkan bukan sahaja menutup peluang pekerjaan kepada orang tempatan tetapi masalah jenayah yang semakin meningkat dan tidak terkawal."

**[Menteri Dalam Negeri]**

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT  
(DEWAN RAKYAT)**

| <b><u>TAHUN<br/>2008</u></b> | <b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>  | <b><u>TARIKH<br/>DIBENTANGKAN</u></b> |
|------------------------------|--|---------------------------------------|
| ST.82                        | Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Tabung Haji 2007 (Telah Diaudit).   | 14 Julai 2008                         |
| ST.83                        | Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) Bagi Tahun 2007 (Telah Diaudit).                       | 14 Julai 2008                         |
| ST.84                        | Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Perwira Harta Malaysia (PPHM) Bagi Tahun 2007 (Telah Diaudit).                     | 14 Julai 2008                         |
| ST.85                        | Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Perwira Niaga Malaysia (PERNAMA) Bagi Tahun 2007 (Telah Diaudit).                  | 14 Julai 2008                         |
| ST.86                        | Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT) Bagi Tahun 2007 (Telah Diaudit).       | 14 Julai 2008                         |
| ST.87                        | Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC) Bagi Tahun 2007 (Telah Diaudit). | 14 Julai 2008                         |

**UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN**

| <b>TARIKH UCAPAN DIBUAT</b> | <b>AHLI YANG BERUCAP</b>                              | <b>TAJUK UCAPAN</b>  | <b>MENTERI YANG BERTANGGUNGJAWAB</b> |
|-----------------------------|---|--|--------------------------------------|
| 1. 14.7.2008<br>(Isnin)     | 1. Tuan Tony Pua<br>Kiam Wee (Petaling<br>Jaya Utara) | 1. Aktiviti Peribadi Pelajar<br>dan Cikgu Sekolah Di<br>Halang Kementerian<br>Pelajaran. | 1. Menteri Pelajaran                 |
| 2. 14.7.2008<br>(Isnin)     | 2. Dr. Michael<br>Jeyakumar Devaraj<br>(Sungai Siput) | 2. Sistem Kontrak<br>Memudaratkan Kepentingan<br>Pekerja Malaysia.                       | 2. Menteri Sumber<br>Manusia.        |